



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

**PEMERIKSAAN BAGI PENGELUARAN SURAT
SOKONGAN (CFO/CCC)
JBPM/PK/05**

Disediakan Oleh:

TPjB Dato' Rusmani Bin
Muhamad
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan
Kebakaran

Tarikh : 02.04.2015

Diluluskan Oleh:

Dato' Soiman Bin Jahid
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)

Tarikh : 02.04.2015

NO. KELUARAN/PINDAAN:08

TARIKH: 02.04.2015

SALINAN TERKAWAL



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PEMERIKSAAN BAGI PENGELUARAN SURAT SOKONGAN (CFO/CCC) JBPM/PK/05

MUKA SURAT : 2 | 12
TARIKH : 02.04.2015

REKOD PINDAAN

BIL.	KELUARAN / PINDAAN	TARIKH	BAHAGIAN / MUKA SURAT	KETERANGAN RINGKAS PINDAAN
1.	02	8.1.2001	4/10 Para 5 (Singkatan)	Ditukar PP (Pegawai Pemeriksa) kepada Pegawai Pencegah KUKP dimansuhkan
			4/10 Para 5 (Singkatan) 6/10 Bil 5	PK/KUKP/KUP ditukar kepada PK/PP
			6/10 Bilangan 5	KUKP/KUP ditukar kepada PP
			7/10 Bilangan 7	Menambah keterangan ayat bagi tindakan 7.1
2.	03	1.3.2003	Keseluruhan Prosedur JBPM/PK/05	Pindaan dibuat adalah berdasarkan kepada perubahan MS ISO 9002:1994 kepada MS ISO 9001:2000 (versi baru).
3.	04	29.9.2004	Keseluruhan Prosedur JBPM/PK/05	Pindaan dibuat berdasarkan hasil mesyuarat kajian semula pengurusan bil. 1/04 bertarikh 02.06.2004
4.	05	26.05.2005	Keseluruhan Prosedur JBPM/PK/05	Pindaan dibuat berdasarkan penyelarasan Piagam Pelanggan dengan Objektif Kualiti seperti surat JBPM:BPK/ 005/01/023 Jilid 1 (12) bertarikh 18/05/2005.
5.	06	31.10.2008	Keseluruhan Prosedur JBPM/PK/05	Pindaan dibuat berdasarkan kepada penambahbaikan Prosedur dan Persediaan untuk Audit Stage 1 oleh pihak SIRIM.



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PEMERIKSAAN BAGI PENGELUARAN SURAT SOKONGAN (CFO/CCC) JBPM/PK/05

MUKA SURAT : 3 | 12
TARIKH : 02.04.2015

BIL.	KELUARAN / PINDAAN	TARIKH	BAHAGIAN / MUKA SURAT	KETERANGAN RINGKAS PINDAAN
6.	07	18.05.2010	Keseluruhan Prosedur JBPM/PK/05	Pindaan dibuat berdasarkan kepada penambahbaikan dan penstrukturan JBPM.
7.	08	27.02.2015	Keseluruhan Prosedur JBPM/PK/05	Pindaan dibuat berdasarkan kepada penambahbaikan Prosedur



1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan bagi menjalankan pemeriksaan dan ujian pemasangan keselamatan kebakaran secara sistematik ke atas projek bagi pengeluaran Surat Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) atau Surat Pelepasan Perakuan Berperingkat (Borang G8 & G9) bagi Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) berpanduan pelan yang telah diperakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

2. SKOP

Prosedur ini digunapakai oleh semua Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia dalam urusan pengeluaran Surat Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) atau Surat Pelepasan Perakuan Berperingkat (Borang G8 & G9), bagi Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) yang dipohon oleh pemohon.

3. RUJUKAN

- 3.1 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984 (UBBL).
- 3.2 *Sarawak Building Ordinance*, 1994 (untuk Sarawak sahaja).
- 3.3 Piawaian–piawaian yang diterima pakai oleh Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- 3.4 **Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003:** Pemerosesan Perakuan Pelan Teknikal dan Pemeriksaan Bangunan Bagi Tujuan Pengeluaran Surat Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO).
- 3.5 **Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007:** Pelaksanaan Kaedah Pusat Setempat (One Stop Centre) dan Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion & Compliance) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- 3.6 Arahan dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Bahagian Keselamatan Kebakaran.

4. DEFINISI

- 4.1 **Fail Projek:** Fail yang diwujudkan mengikut urutan nombor berdasarkan Kumpulan Maksud serta mempunyai tajuk sesuatu projek pembinaan bangunan atau struktur.



**PEMERIKSAAN BAGI PENGELUARAN
SURAT SOKONGAN (CFO/CCC)
JBPM/PK/05**

MUKA SURAT : 5 | 12
TARIKH : 02.04.2015

-
- 4.2 **Hari:** Merujuk Kepada Tempoh Hari Kalendar.
- 4.3 **Pemeriksaan Bagi Pengeluaran Surat Sokongan (CFO/CCC):** bermaksud pemeriksaan dan ujian pepasangan keselamatan kebakaran sesuatu bangunan berpandukan pelan bangunan yang telah diperakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia. Pemeriksaan ini adalah bertujuan bagi mengeluarkan Surat Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) atau Surat Pelepasan Perakuan Berperingkat (Borang G8 & G9) bagi Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC).
- 4.4 **Surat Sokongan:** termasuk Surat Sokongan Sijil Sementara Kelayakan Menduduki Bangunan (TCF) atau Surat Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) atau Surat Pelepasan Perakuan Berperingkat (Borang G8 & G9), CCC.
- 4.5 **Pegawai Pemeriksa** bermaksud;
- i. Pegawai Keselamatan Kebakaran di ibu pejabat JBPM;
 - ii. Pegawai Keselamatan Kebakaran di ibu pejabat JBPM negeri;
 - iii. Pegawai Keselamatan Kebakaran di JBPM Zon.
- 4.6 **Borang Tiga Perenggu:** ialah borang yang digunakan untuk ulasan bagi pengeluaran Surat Sokongan Sijil Sementara Kelayakan Menduduki Bangunan (TCF) atau Surat Sokongan Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) atau Surat Pelepasan Perakuan Berperingkat (Borang G8 & G9), CCC.
- 4.7 **Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003:** merujuk kepada Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003: Pemerosesan Perakuan Pelan Teknikal dan Pemeriksaan Bangunan Bagi Tujuan Pengeluaran Surat Sokongan Kelayakan Sijil Menduduki Bangunan (CFO).
- 4.8 **Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007:** Merujuk kepada Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2007: Pelaksanaan Kaedah Pusat Setempat (One Stop Centre) dan Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion & Compliance) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



5. SINGKATAN

- 5.1 JBPM - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- 5.2 IP - Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- 5.3 JBPMN - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri
- 5.4 PKPKK - Penolong Ketua Pengarah, Keselamatan Kebakaran
- 5.5 PBN - Pengarah Bomba Negeri
- 5.6 KSPB - Ketua Seksyen Perakuan Bangunan (IP, JBPM)
- 5.7 KCPKK - Ketua Cawangan Perakuan Keselamatan Kebakaran (IP, JBPM)
- 5.8 PPNBKK - Penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran (JBPMN)
- 5.9 KZ - Ketua Zon
- 5.10 PKK - Pegawai Keselamatan Kebakaran
- 5.11 OSC - *One Stop Centre* (Pusat Setempat)
- 5.12 PK - Petugas Kaunter
- 5.13 PPM - Pegawai Pemeriksa
- 5.14 PB - Pegawai Bomba
- 5.15 PT (P/O) - Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)
- 5.16 PT (Kew) - Pembantu Tadbir (Kewangan)

**6. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB**

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.1	Terima Permohonan	
	6.1.1 Terima permohonan dari pelanggan dengan menggunakan Borang Pemeriksaan dan Ujian : PU (A) 207 dalam tiga salinan. Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007.	PK/PB/PT
6.2	Semakan Kaunter	
	6.2.1 Menyemak Senarai Semakan Permohonan Pemeriksaan dan Ujian yang dikemukakan oleh pemohon. Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007.	PK
	6.2.2 Permohonan pemeriksaan projek hanya di pertimbangkan setelah perkara seperti di prosedur 6.2.1 dilaksanakan sepenuhnya. Jika tidak, permohonan ditolak.	PK
6.3	Bayaran	
	6.3.1 Terima bayaran yang dibayar oleh pemohon dan kembalikan Borang Pemeriksaan dan Pengujian bersama-sama Resit Kew. 38 atau e-Terimaan.	PK/PT(Kew)/PKK
6.4	Daftar Permohonan	
	Daftar permohonan dalam Buku Daftar Penetapan Tarikh Pemeriksaan dan tetapkan perkara-perkara berikut:-	PKPKK / PBN / KSPKB / KCPKK / PPNBKK / KZ / KCPB
	a) Tarikh pemeriksaan: hendaklah tidak melebihi 14 hari dari tarikh permohonan diterima kecuali jika pemohon meminta lebih dari 14 hari adalah dibenarkan;	
	b) Penentuan Pegawai Pemeriksa : hendaklah ditetapkan selewat-lewatnya sehari sebelum pemeriksaan.	



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PEMERIKSAAN BAGI PENGELUARAN SURAT SOKONGAN (CFO/CCC) JBPM/PK/05

MUKA SURAT : 8 | 12
TARIKH : 02.04.2015

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.5	Maklumkan Temujanji Pemeriksaan	
	6.5.1 Maklumkan secara bersurat tentang temujanji kepada pemohon.	PK/PB/PT
6.6	Pemeriksaan Bagi Pengeluaran Surat Sokongan (CFO/CCC)	
	6.6.1 Semua pihak yang mempunyai kaitan dengan urusan pembinaan projek berkenaan hendaklah hadir semasa pemeriksaan dijalankan yang terdiri dari: a. Arkitek/ wakil b. Jurutera Perunding /wakil c. Wakil Kontraktor Utama d. Wakil Kontraktor Pepasangan Kelengkapan Keselamatan Kebommbaan	PPm
	6.6.2 Semua pihak perlu mengisi dan menandatangani Borang Senarai Kehadiran Semasa Pemeriksaan. Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007).	PPm
	6.6.3 Menjalankan pemeriksaan dan pengujian dengan berpandukan pelan-pelan yang diperakukan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Rujuk Perintah Tetap Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007.	PPm
6.7	Penyediaan Laporan Pemeriksaan	
	6.7.1 Laporan pemeriksaan hendaklah disediakan dan ditandatangani oleh pegawai pemeriksa.	PPm/PT



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PEMERIKSAAN BAGI PENGELUARAN SURAT SOKONGAN (CFO/CCC) JBPM/PK/05

MUKA SURAT : 9 | 12
TARIKH : 02.04.2015

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	6.7.2 Jika kehendak-kehendak kebombaannya dipatuhi sepenuhnya, ulasan dengan menggunakan Borang Tiga Perenggu hendaklah disediakan. Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007.	PPm/PT
	6.7.3 Jika masih terdapat perkara-perkara untuk tindakan, ulasan pegawai pemeriksa hendaklah menyatakan sama ada:	PPm/PT
	a) tidak menyokong pengeluaran Surat Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) atau Surat Pelepasan Perakuan Berperingkat (Borang G8 & G9) tersebut dengan mengeluarkan laporan pemeriksaan;	PPm/PT
	atau	
	b) menyokong pengeluaran Surat Sokongan Sementara Kelayakan Sijil Menduduki Bangunan (TCF) dengan menggunakan Borang Tiga Perenggu beserta ulasan untuk tindakan pemohon pada laporan pemeriksaan.	PPm / PTR
6.8	Ulasan Sokongan	
	6.8.1 Menyemak laporan pemeriksaan untuk tujuan sokongan.	KSPB / KCPKK / PPNBKK / KCPB
	6.8.2 Jika tidak menyokong kembalikan kepada pegawai pemeriksa untuk tindakan selanjutnya.	KSPB / KCPKK / PPNBKK / KCPB
6.9	Pengesahan Pengeluaran Surat Sokongan	
	6.9.1 Membuat pengesahan pengeluaran Surat Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) atau Surat Pelepasan Perakuan Berperingkat (Borang G8 & G9), CCC.	PKPKK/PBN/KZ



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PEMERIKSAAN BAGI PENGELUARAN SURAT SOKONGAN (CFO/CCC) JBPM/PK/05

MUKA SURAT : 10 | 12
TARIKH : 02.04.2015

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.10	Penyerahan Laporan Atau Surat Sokongan 6.10.1 Laporan atau Surat Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO) atau Surat Sokongan Sementara Kelayakan Menduduki Bangunan (TCF) atau Surat Pelepasan Perakuan Berperingkat (Borang G8 & G9), CCC yang telah lengkap hendaklah dihantar secara: - serahan tangan hendaklah dicop Akuan Terima serta ditandatangani dalam Buku "Despatch". - Pos dan perlu dicatatkan dalam Buku "Despatch".	PT
6.11	Rekod 6.11.1 Laporan atau surat sokongan perlu direkodkan.	PT
6.12	Perangkaan 6.12.1 Perangkaan berkaitan pemeriksaan bangunan dikumpul dan dikemukakan setiap bulan sebagaimana Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003 . 6.12.2 Kemukakan perangkaan Pemeriksaan Bagi Pengeluaran Surat Sokongan (CFO/CCC) kepada Bahagian Keselamatan Kebakaran, Ibu Pejabat JBPM sebelum atau pada 30 haribulan setiap bulan.	KSPB / KCPKK / PPNBKK / KCPB / KZ PPNBKK / KZ
6.13	Tempoh Proses Pengeluaran Sokongan (CFO/CCC) 6.13.1 Proses Pengeluaran Surat Sokongan (CFO/CCC) hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 5 hari dari tarikh akhir pemeriksaan dijalankan.	Makluman



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PEMERIKSAAN BAGI PENGELUARAN SURAT SOKONGAN (CFO/CCC) JBPM/PK/05

MUKA SURAT : 11 | 12
TARIKH : 02.04.2015

7. REKOD KUALITI

Bil.	Jenis Rekod	Lokasi	Tempoh Penyimpanan
7.1	Buku Rekod Pemeriksaan	Bhg. Keselamatan Kebakaran	5 Tahun
7.2	Buku Rekod Pendaftaran Projek	Bhg. Keselamatan Kebakaran	5 Tahun



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PEMERIKSAAN BAGI PENGELUARAN SURAT SOKONGAN (CFO/CCC) JBPM/PK/05

MUKA SURAT : 12 | 12
TARIKH : 02.04.2015

8. LAMPIRAN

8.1 Carta Aliran Kerja Pemeriksaan Bagi Pengeluaran
Surat Sokongan (CFO/CCC)

Lampiran 1

CARTA ALIRAN KERJA PEMERIKSAAN BAGI PENGELUARAN SURAT SOKONGAN (CFO/CCC)

